

## ARAHAN KEPADA PELAJAR BARU

### 1. Bayaran Elaun

Pembayaran elaun akan dibuat melalui bank yang akan ditentukan oleh pihak institut

Sila sediakan salinan fotostat muka surat buku akaun bank yang mengandungi nombor akaun untuk diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar pada masa pendaftaran.

Anda dinasihatkan membawa wang secukupnya untuk perbelanjaan harian kerana elaun pelajar baharu hanya akan dibayar dalam masa satu atau dua bulan selepas pendaftaran.

### 2. Pakaian

Pada masa pendaftaran para pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sesuai dengan profesion keguruan. Sila rujuk arahan (a) di bawah.

Sepanjang berkursus para pelajar **wajib** mematuhi etika berpakaian seperti yang berikut:

#### Lelaki

- (a) Baju kemeja berlengan panjang/pendek dan berseluar panjang. **Seluar “jeans” dilarang sama sekali.**
- (b) Tali leher institut mesti dipakai setiap hari Isnin dan pada masa perhimpunan rasmi institut.
- (c) Pakaian sukan dipakai pada masa menjalani aktiviti amali Pendidikan Jasmani serta KOKURIKULUM sukan dan permainan serta olahraga.
- (d) Baju batik institut atau baju Melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok boleh dipakai pada setiap hari Jumaat.
- (e) Tali leher mesti dipakai sepanjang Minggu Pengurusan Pelajar Baharu.

#### Perempuan

- (a) Pakaian rasmi yang tidak mendedahkan sebahagian/keseluruhan anggota badan dari bawah paras leher hingga ke paras bawah lutut. **Seluar “jeans” dilarang sama sekali.**
- (b) Tudung/mini telekung dibenarkan kepada pelajar perempuan Islam.
- (c) Pakaian batik institut boleh dipakai pada setiap hari Jumaat (bertudung putih untuk pelajar Islam)
- (d) Pakaian sukan yang sesuai dipakai pada masa menjalani aktiviti amali Pendidikan Jasmani serta KOKURIKULUM sukan dan permainan serta olahraga.

### 3. Peringatan Penting

#### **Para pelajar yang mengandung tidak dibenarkan mendaftar.**

Anda dinasihatkan supaya membuat keputusan muktamad sebelum melaporkan diri. Jika anda meninggalkan kursus pendidikan perguruan sebelum tamat, anda atau penjamin-penjamin anda akan dikenakan tindakan membayar balik sejumlah wang kepada KERAJAAN MALAYSIA seperti mana yang termaktub dalam syarat Borang Perjanjian Pendidikan Guru yang anda tanda tangani.